

Pandangan Ahli Akademik Muslim Terpilih di Malaysia Tentang Keganasan

**Noor Shakirah Mat Akhir^{1*}, Nurul Hidayawatie Mustaffa²,
Norshabiha Ibrahim¹, Salasiah Hanin Hamjah¹**

¹Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Minden, 11800, Pulau Pinang, MALAYSIA

²Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Minden, 11800, Pulau Pinang, MALAYSIA

*shakirah@usm.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2022.03.01.008>

Received 8 April 2022; Accepted 20 May 2022; Available online 30 June 2022

Abstrak: Keganasan merupakan isu global yang telah dibincangkan sejak sekian lama. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan tiada negara atau komuniti yang bebas dari keganasan. Kenyataan ini menunjukkan keganasan wujud di mana-mana sahaja tanpa mengira bangsa, agama dan negara. Laporan keganasan yang lazimnya melibatkan keganasan rumah tangga termasuk penderaan kanak-kanak dan warga emas menunjukkan isu ini tidak boleh dipandang ringan. Tetapi, perbincangan dalam konteks yang lebih luas adalah perlu untuk memberi kefahaman kepada masyarakat tentang fakta keganasan yang lebih mendalam, memandangkan masyarakat Islam masih belum memahami aspek keganasan secara terperinci apatah lagi dari sudut pandangan ahli akademik Muslim. Kajian ini mengkaji pandangan ahli akademik Muslim yang terpilih untuk mengupas isu keganasan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Alat kajian yang digunakan ialah protokol temu bual yang mengandungi lima tema kajian yang dicerakinkan dalam lima bentuk soalan. Kaedah temu bual yang dijalankan melibatkan lima orang ahli akademik Muslim yang dipilih secara bertujuan sebagai responden. Kajian mendapati antara faktor keganasan terjadi ialah kejahilan agama dan faktor dalaman seseorang. Kajian juga mendapati pandangan ahli akademik Muslim dalam lima tema kajian tentang keganasan adalah selari dengan WHO. Namun begitu, pendekitan oleh ahli akademik Muslim ternyata lebih menyeluruh kerana mengetengahkan pandangan dari perspektif ulama dan psikologi Islam dalam membincangkan isu-isu keganasan.

Kata kunci: Keganasan; psikologi; Islam; ulama; akademik

Abstract: Violence is a global issue that has been discussed since long. The World Health Organization (WHO) reports that no country or community is immune from violence. This statement backs the fact that violence is ubiquitous irrespective of

*Corresponding author: shakirah@usm.my

2022 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs

racial, religious and nation divide. Reports on violence often involve domestic violence including child abuse and elderly neglect thereby indicating that these issues should not be deemed frivolous. As such, further discussions in the wider context are necessary to provide the public with deeper understanding of the reality of violence. This study examines the views of selected Islamic academics to address the issues of violence from the perspective of Islamic scholars and psychologists. In doing so, this research uses a qualitative approach that combines literature review and interview methods. The research tools used was an interview protocol comprising of five research themes that were highlighted in five forms of questions. The interview method involved five respondents who were selected on purpose. The findings point to the contributing factors to violence amongst which are religious ignorance and internal factor of oneself. The research also reveals that the views of the academia regarding violence are parallel to that of the WHO. Nonetheless, the respondents' analysis appears to be more comprehensive as they provide insights from both Islamic scholars' perspectives as well as psychologists' in probing into the issues of violence.

Keywords: violence, psychology, Islam, scholars, academic.

1. Pendahuluan

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), keganasan ialah bertindak dengan sengaja menggunakan kuasa atau kekerasan secara fizikal, mengugut, atau benar-benar berbuat keganasan terhadap sesuatu kumpulan atau komuniti yang menyebabkan atau besar kemungkinan menyebabkan kecederaan, kematian, kesan psikologi, kerencatan tumbesaran dan pengabaian [70]. Keganasan turut bermaksud menggunakan kekasaran fizikal dan yang seumpamanya untuk mencederakan, mendera, merosakkan dan menghancurkan dan turut merujuk kepada perihal ganas, kebuasan dan kegarangan [30] [45].

Menurut WHO (2002), terdapat tiga jenis keganasan iaitu pertama, keganasan terhadap diri sendiri yang melibatkan perbuatan membunuh diri dan menyeksa diri. Kedua, keganasan terhadap orang lain yang melibatkan keluarga atau masyarakat. Ketiga, keganasan terhadap kumpulan yang melibatkan kumpulan sosial, politik, dan ekonomi. Keganasan yang wujud adalah berbentuk fizikal, psikologi, seksual, pengabaian atau penindasan [70].

Faktor keganasan ialah berpunca daripada diri sendiri (*individual*), orang lain (*relationship*), masyarakat (*community*) dan sosial (*societal*). Perkembangan dalam keempat-empat faktor ini menyumbang seseorang sama ada menjadi mangsa keganasan (*victim*) atau pelaku keganasan (*perpetrator of violence*) [70].

WHO (2002) mencadangkan langkah untuk mengatasi masalah ini dengan mendefinisikan dan mengawasi masalah, mengenal pasti punca masalah, mengasaskan dan menguji kaedah yang digunakan untuk menangani isu keganasan serta mengaplikasikan kaedah penyelesaian yang berkesan secara besar-besaran [70].

2. Pernyataan Masalah

Masyarakat masih belum begitu jelas mengenai keganasan yang menyebabkan mereka masih memandang ringan isu ini. Masyarakat menganggap keganasan bukanlah isu yang serius dan berpendapat keganasan adalah rahsia yang perlu disembunyikan. Apabila terdapat kes keganasan yang dilaporkan, masyarakat menganggapnya masalah dalaman yang boleh diselesaikan sendiri. Lebih buruk lagi, keganasan yang melibatkan institusi kekeluargaan bukanlah sesuatu yang mudah untuk diceritakan dengan lebih terbuka kepada pihak lain [42] [19] [28].

Masyarakat kurang jelas tentang isu keganasan disebabkan kurang perhatian tentang definisi keganasan, seperti tindakan keganasan seksual yang minimum, pembulian dan tindakan keganasan lain yang tidak dimasukkan ke dalam contoh keganasan yang tipikal. Bahkan, tahap pengetahuan masyarakat tentang keganasan adalah sederhana sahaja. Hakikatnya, definisi keganasan yang lebih tepat boleh menambah baik pengawasan, membolehkan pengenalpastian punca dan akibat yang sebenar, mempertingkatkan penilaian hasil rawatan serta pembangunan panduan pencegahan [18] [42].

Keganasan sering dikaitkan dengan golongan wanita dan kanak-kanak yang disebut sebagai mangsa keganasan rumah tangga. Sebenarnya, konteks keganasan adalah lebih luas dan tidak semestinya melibatkan satu gender atau golongan tertentu sahaja. Hal ini kerana, isu keganasan bukanlah sesuatu yang asing. WHO (2002) melaporkan: "*No country or community is untouched by violence.*" Berdasarkan kenyataan ini, jelaslah tiada negara atau komuniti yang tidak terkesan oleh keganasan. Hal ini membuktikan keganasan ini wujud di serata tempat tanpa mengira kaum, sempadan, bangsa dan agama, serta tidak mengira jantina dan umur [70] [42].

Disebabkan kajian lepas menunjukkan masyarakat masih kabur tentang pengertian sebenar keganasan, maka kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti pengertian, konsep, ciri, faktor dan cabaran tentang keganasan. Dapatkan ini diharap dapat membantu memberi lebih kefahaman kepada masyarakat tentang keganasan.

3. Sorotan Literatur

Penulisan tentang keganasan merangkumi pelbagai aspek. Antaranya ialah keganasan tidak sahaja melibatkan keganasan terhadap orang lain, tetapi turut melibatkan keganasan terhadap diri sendiri (*suicide*). Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Islam sering dikaitkan dengan keganasan. Istilah ‘Islamophobia’ sengaja dicipta media Barat untuk memburukkan nama Islam di mata dunia. Penubuhan pertubuhan seperti IS dan ISIS hanya memburukkan lagi keadaan. Keganasan yang dilakukan dengan menggunakan pakaian Islam menunjukkan fitnah persepsi sedang berleluasa. Justeru itu, penulisan tentang keganasan yang sebenarnya dan didikan agar masyarakat lebih memahami Islam yang sebenarnya adalah sangat dituntut pada masa sekarang [72].

Antara ciri-ciri keganasan pula ialah boleh mendatangkan kemudaratan, seperti trauma jangka panjang kepada mangsa keganasan. Sebagai contoh, dalam keganasan rumah tangga, mangsa keganasan akan mengalami kemurungan dan tekanan dari segi emosi [40]. Selain keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak dan pengabaian warga emas turut dianggap sebagai keganasan. Faktor utama penderaan kanak-kanak adalah disebabkan oleh institusi kekeluargaan yang bermasalah [39] dan peningkatan usia warga emas dan ketidakupayaan mereka turut menjadi sebab warga emas diabaikan oleh kaum keluarga terdekat [57].

Kejahilan dalam agama turut menjadi faktor keganasan [43]. Begitu juga pengaruh media massa. Pengaruh media massa sebagai faktor keganasan sudah diperkatakan sejak sekian lama. Kajian oleh Zaleha (2010) mendapati media massa memainkan peranan penting terhadap tingkah laku agresif para pelajar di sekolah dalam bentuk permusuhan [71]. Kajian yang sama dilakukan oleh Wan Norina et al. (2013) mendapati bahawa para pelajar boleh terkesan oleh media massa dan adalah menjadi tanggungjawab para pelajar untuk memilih program yang bersesuaian untuk ditonton [69]. Hal ini menunjukkan media massa boleh mendatangkan kesan kepada remaja dan tindakan mereka. Pendek kata, media massa mempunyai pengaruh terhadap perubahan sosial dalam masyarakat [60].

Hal ini menyebabkan kajian mendalam perlu dilakukan untuk memastikan mereka yang menjadi mangsa keganasan mempunyai pengetahuan tentang keganasan agar mendapat perlindungan dan pembelaan yang sewajarnya [63]. Sebagai contoh, pembelaan dan perlindungan terhadap golongan

warga emas juga sudah ada dilakukan melalui kajian tentang perlindungan dalam aspek undang-undang [34].

Golongan yang menjadi sasaran keganasan perlu celik ilmu pengetahuan. Manakala, golongan mahasiswa juga boleh mengambil manfaat ini sama ada untuk membantu diri sendiri dan orang lain. Kajian oleh Nur Saadah dan Nur Shuhada (2018) yang mengkaji tentang tahap pemahaman mahasiswa tentang keganasan rumah tangga, mendapat terdapat pelbagai sumber maklumat undang-undang keganasan rumah tangga yang boleh diakses oleh golongan mahasiswa melalui pembelajaran dan pembacaan [41].

Berdasarkan perbincangan, jelaslah terdapat banyak penulisan tentang keganasan yang merangkumi pelbagai aspek. Namun begitu, masyarakat masih belum begitu jelas tentang keganasan terutamanya daripada perspektif ahli akademik Muslim sebagaimana yang dikaji dalam kajian ini. Justeru itu, kajian ini berkehendak mengkaji pandangan ahli akademik Muslim tentang definisi keganasan secara umum serta menganalisis kategori, faktor, ciri-ciri dan kaedah mengatasi perlakuan keganasan daripada perspektif ahli akademik Muslim. Oleh itu objektif kajian ini adalah

1. Mengkaji pandangan ahli akademik Muslim terpilih tentang definisi keganasan secara umum.
2. Menganalisis kategori, faktor, ciri dan kaedah mengatasi perlakuan keganasan daripada perspektif ahli akademik Muslim.

4. Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan data kepustakaan dan kaedah temu bual separa berstruktur. Melalui kaedah kepustakaan, data dikumpul melalui metode dokumentasi daripada bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan, yang melibatkan proses meneliti sumber-sumber rujukan bermaklumat seperti fakta, pendapat mahir atau peribadi terhadap topik kajian [16].

Tiga metode utama yang digunakan dalam rangka kajian ini iaitu metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data. Subjek kajian terdiri daripada lima orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan untuk kaedah temu bual iaitu ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam topik kajian berdasarkan latar belakang ilmu pengetahuan serta kepakaran yang dimiliki dalam bidang ini. Persampelan bertujuan memilih responden dengan ciri-ciri tertentu yang boleh memberi maklumat secara langsung dengan topik kajian. [31] [48].

Kaedah temu bual di peringkat kajian lapangan digunakan dalam metode pengumpulan data. Temu bual dirakamkan secara audio dan ditranskripsikan. Dalam metode analisis data, data temu bual dianalisis berdasarkan lima tema utama kajian yang telah dicerakinkan dalam protokol temu bual [2]. Lima tema utama yang dikaji ialah definisi keganasan secara umum, kategori perlakuan ganas, faktor-faktor perlakuan ganas, ciri-ciri perlakuan ganas, serta kaedah menangani perlakuan ganas dari perspektif ahli akademik Muslim, yang turut membincangkan isu keganasan ini dari aspek psikologi dan psikologi Islam / Ulama.

Alat kajian yang digunakan ialah protokol temu bual. Alat-alat teknikal turut digunakan seperti perakam digital, pen, dan kertas. Pembinaan protokol ini adalah berdasarkan topik kajian. Protokol ini mengandungi sebanyak lima soalan terbuka yang direka berdasarkan tema utama kajian. Dalam metode analisis data, data-data daripada temu bual dianalisis secara Nvivo menurut kaedah kualitatif iaitu transkripsi, reduksi, koding dan paparan data [31].

5. Dapatan kajian

TEMA 1: DEFINISI KEGANASAN DARI PERSPEKTIF AHLI AKADEMIK MUSLIM

Tema pertama membincangkan definisi keganasan secara umum. Berhubung dengan definisi keganasan, kelima-lima responden bersetuju bahawa keganasan adalah satu perbuatan kekerasan (R1, R4), bercanggah dengan Islam (R2, R4), melampaui batas (R3) dan boleh menyebabkan kemudaratan, kerosakan dan kecederaan (R4, R5). R1 dan R5 turut berpendapat keganasan berpunca dari faktor dalaman seseorang.

Menurut R1, berdasarkan pandangan ulama, keganasan ialah keadaan yang menunjukkan kekerasan iaitu tidak berlemah-lembut sama ada dalam perkataan atau perbuatan. Manakala, dari aspek psikologi, R1 berpendapat keganasan biasanya mempunyai hubung kait dengan sifat marah dan sakit mental yang dihadapi seseorang. Lazimnya, ia terjadi apabila kemahuan seseorang tidak dipenuhi (Transkrip R1: 1; [8]).

Manakala, R2 berpendapat Islam adalah agama yang bersifat sederhana yang menganjurkan kedamaian. Oleh yang demikian, keganasan adalah sebarang aktiviti atau perbuatan yang bercanggah dengan kesederhanaan atau kedamaian serta boleh membawa kepada kemudaratan. Keganasan menurut Islam dapat dilihat dari aspek akidah iaitu penghinaan atau pencerobohan kepada akidah. Melalui aspek dakwah pula, keganasan dan kekerasan disebut sebagai penindasan terhadap pihak lain (Transkrip R2: 1)

Berdasarkan konteks Islam, R3 berpendapat keganasan ialah sesuatu yang melampaui batas, iaitu melebihi apa yang ditetapkan oleh agama. R3 menyimpulkan apa-apa sahaja yang berada di luar ketetapan syarak adalah ganas dan keganasan. Jelasnya lagi, keganasan itu terjadi apabila melampaui batas agama (Transkrip R3: 1). R3 berkata:

“Keganasan ini ialah sesuatu yang melampaui batas iaitu bermaksud jika dalam konteks Islam ialah melebihi daripada apa yang telah ditetapkan oleh agama. Sebab itu agama Islam itu sendiri menunjukkan satu agama yang aman. Perkataan ISLAM itu merujuk kepada “peace”, sebab tu orang Islam bila berjumpa, ucapannya SALAM” (Transkrip R3: 1).

Berdasarkan aspek psikologi, R4 berpendapat keganasan ialah suatu tindakan kasar berlandaskan kuasa atau kekerasan yang dibuat dengan sengaja oleh seseorang terhadap orang lain sehingga menyebabkan kecederaan fizikal, penderaan emosi, mental atau rohani, kerencutan tumbesaran, pengabaian dan kematian. Manakala, berdasarkan pandangan ulama, keganasan bukanlah jihad. Keganasan ialah perbuatan kekerasan yang ditegah dalam Islam dan dikategorikan sebagai jenayah berat yang menyalahi undang-undang dan moral, seperti pembunuhan menggunakan bahan letupan atau bahan kimia, penculikan, rampasan serta semua jenis keganasan (Transkrip R4: 1; [35] [73]).

R5 pula berpendapat konsep keganasan adalah luas, iaitu sesuatu yang tidak menyenangkan, serta boleh menyebabkan kemudaratan dan kerosakan. Keganasan turut menyebabkan kecederaan emosi dan pemikiran dari aspek psikologi. R5 turut berpendapat faktor keganasan berkemungkinan disebabkan oleh faktor-faktor luaran atau dalaman daripada seseorang individu itu sendiri (Transkrip R5: 1).

TEMA 2: KATEGORI PERLAKUAN GANAS DARI PERSPEKTIF AHLI AKADEMIK MUSLIM

Dalam tema kedua, kelima-kelima responden mempunyai pendapat yang berbeza dengan sedikit persamaan (R4 dan R5) dalam kategori perlakuan ganas yang dibincangkan dari aspek psikologi.

Untuk tema kedua ini, R1 membahagikan perlakuan ganas kepada lima aspek iaitu agenda politik, perbezaan atau percanggahan idea, haluan kiri atau haluan kanan, keganasan agama dan jenayah (Transkrip R1: 1).

Manakala R2 membahagikan perlakuan ganas kepada dua kategori iaitu yang bersifat akidah dan yang bersifat dakwah. Contoh umum bagi kedua-dua kategori ialah sebarang perbuatan yang membawa kepada penindasan, kezaliman atau pencerobohan hak asasi manusia dan lain-lain tindakan yang menodai kesucian agama Islam. Keganasan turut berpunca daripada kejahilan dan kedangkalan ilmu agama (Transkrip R2: 1).

Menurut R3, perlakuan dikategorikan ganas apabila seseorang itu bertindak di luar kebiasaan perlakuan seorang manusia normal dalam tiga konteks. Pertama, dalam konteks agama, contohnya, apabila berlaku penderaan dalam rumah tangga seperti mendera isteri, anak, dan suami. Kedua, dalam konteks diri sendiri, seperti kejadian bom diri sendiri yang terjadi di Bali pada suatu masa dahulu. Ketiga, ialah keganasan dalam konteks lain iaitu merosakkan harta awam (Transkrip R3: 1-2).

R4 membahagikan kategori perlakuan ganas kepada tiga iaitu keganasan terhadap diri sendiri, orang lain dan antarabangsa. Contoh keganasan terhadap diri sendiri ialah apabila seseorang merancang untuk membunuh dan menyeksa dirinya sendiri. Keganasan terhadap orang lain pula melibatkan keganasan terhadap pasangan, ahli keluarga atau individu daripada kumpulan tertentu. Keganasan antarabangsa pula melibatkan keganasan terhadap kumpulan berbeza agama, sosial, politik dan ekonomi (Transkrip R4: 1).

Pendapat R5 tidak jauh berbeza dari pandangan R4 cuma dengan penjelasan yang lebih terperinci. R5 membahagikan kategori perlakuan ganas kepada keganasan diri sendiri, rumah tangga dan komuniti setempat. Konteks keganasan diri sendiri melibatkan faktor-faktor tertentu yang mendorong seseorang mencederakan dan melakukan sesuatu yang keterlaluan terhadap diri sendiri. Konteks keganasan rumah tangga dapat dilihat dalam isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga yang berpunca daripada pihak kedua atau ketiga terhadap mangsa keganasan rumah tangga. Konteks keganasan komuniti setempat pula merujuk kepada isu-isu sensitif yang sering dimainkan dalam masyarakat seperti perbezaan fahaman politik, sosial dan budaya disebabkan prasangka oleh pihak tertentu (Transkrip R5: 1).

TEMA 3: FAKTOR-FAKTOR PERLAKUAN GANAS DARI PERSPEKTIF AHLI AKADEMIK MUSLIM

Tema ketiga membincangkan faktor-faktor perlakuan ganas. Kelima-lima responden memberi pendapat yang tidak jauh berbeza dan mempunyai persamaan pendapat bahawa faktor utama perlakuan ganas ini ialah kurang pengetahuan agama. Contoh pendapat responden yang menunjukkan pandangan ini ialah “pelaku jauh dari syariat” (R1), “kedangkalan ilmu agama” (R2), “kekurangan ilmu pengetahuan agama” (R3), “kejahilan dalam agama” (R4) dan “ketidakfahaman individu terhadap kefungsian dalam sistem kekeluargaan” (R5).

Menurut R1, perlakuan ganas terjadi disebabkan pelaku jauh dari syariat. Hal ini telah disebut di dalam al-Quran dalam surah Taha ayat 124 yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit”.

Selain itu, salah faham terhadap konsep-konsep umum dan mencemari hak-hak tertentu turut menyumbang kepada perlakuan ganas dari spek psikologi. Apatah lagi, mereka yang melakukan keganasan ini jahil tentang syariat dan maqasid syarak, kurang pendidikan agama serta tarbiyah akhlak. Terdapat juga pelaku keganasan yang mempunyai pemikiran yang melampau. Golongan ilmuwan yang lemah dalam menyampaikan ilmu serta orang awam yang tidak merujuk kepada ulama atau pakar akan segala persoalan boleh terjebak dalam keganasan. Hal ini juga adalah gambaran realiti dalam masyarakat, yang begitu parah dengan masalah sosial sedia ada. Kegagalan dalam pelajaran turut menyumbang kepada keganasan di mana golongan ini tiada arah tuju dan melakukan keganasan untuk menarik perhatian masyarakat kerana gemarkan publisiti murahan. Isu-isu semasa seperti pengangguran turut menyumbang kepada keganasan (Transkrip R1: 1).

R2 berpendapat, terdapat empat faktor yang menyumbang kepada perlakuan ganas, iaitu kedangkan ilmu agama, sifat fanatik yang keterlaluan, salah faham konsep kesederhanaan serta taksub kepada aliran tertentu (Transkrip R2: 1-2).

R3 berpendapat kekurangan ilmu pengetahuan agama menyebabkan seseorang bertindak di luar batas agama, kerana jauh daripada Allah SWT, dan seterusnya membawa kepada perlakuan keganasan. Salah faham terhadap agama juga menyebabkan masuknya unsur-unsur keganasan ke dalam diri seseorang disebabkan belajar dengan guru yang salah, yang tentunya mempunyai agenda lain yang tidak diketahui (Transkrip R3: 2-3).

R4 berpendapat perlakuan ganas menurut psikologi adalah disebabkan lima sifat selain faktor latar belakang keluarga dan budaya. Lima sifat yang dimaksudkan ialah sifat agresif iaitu kecenderungan melakukan sesuatu yang boleh menyakiti orang lain secara fizikal atau lisan. Kedua, sifat obsesif, iaitu kecenderungan menguasai orang lain sesuai dengan keinginan sendiri. Ketiga, sifat neurotik, iaitu kecenderungan untuk berperasaan negatif apabila bertindak balas terhadap sesuatu. Keempat, sifat pasif, kecenderungan untuk bersendirian, tidak bergaul dan kurang memerlukan bantuan orang lain (*schizoid personality / orang yang skizoid*). Kelima, sifat bergantung, iaitu kecenderungan bergantung harap terhadap orang lain (*dependent personality / sifat suka bergantung*). Manakala, berdasarkan pandangan ulama, perlakuan ganas berpunca daripada kejahilan dalam agama, serta faktor pendidikan dan politik (Transkrip R4: 1-2).

R5 berpendapat, perlakuan ganas berpunca daripada diri sendiri, persekitaran, media massa, ketidakfahaman individu itu sendiri serta amalan dan pegangan sejak sekian lama. Faktor persekitaran mendorong seseorang menjadi ganas. Sebagai contoh, seorang pelajar menjadi ganas kerana dibuli rakan-rakan sebaya sama ada secara lisan atau fizikal. Faktor media massa menyebabkan seseorang menjadi ganas seperti insiden keganasan yang berlaku di Christchurch pada Mac 2019 di mana modus operandi pelaku keganasan meniru aksi permainan video yang dilihat di media massa. Keganasan rumah tangga berlaku disebabkan pasangan suami isteri tidak faham fungsi masing-masing di dalam rumah tangga, berasa tidak puas hati terhadap pasangan serta matlamat perkahwinan yang tidak jelas. Faktor pegangan sejak sekian lama ialah seperti penindasan terhadap umat Islam oleh golongan Yahudi dan Nasrani disebabkan kefahaman dan doktrin yang dipegang dan dipercayai selama ini (Transkrip R5: 1-2).

TEMA 4: CIRI-CIRI PERLAKUAN GANAS DARI PERSPEKTIF AHLI AKADEMIK MUSLIM

Tema keempat membincangkan ciri-ciri perlakuan ganas. Pandangan kelima-lima responden tidak jauh berbeza di mana ciri-ciri utama perlakuan ganas ini mendatangkan kemudaratian, antaranya kemusnahan harta benda (R1), penindasan atau kezaliman terhadap sesuatu kumpulan atau orang perseorangan (R2), kewujudan sentimen Islamophobia (R3), keganasan fizikal (R4) dan keganasan pemikiran (R5). R4 dan R5 turut berpandangan yang sama bahawa ciri-ciri utama keganasan dapat dilihat melalui keganasan fizikal.

Menurut R1, ciri-ciri perlakuan ganas dapat dilihat pada aspek politik, kemusnahan harta benda, ketakutan, kematian yang banyak dan memangsakan masyarakat (Transkrip R1: 1).

R2 berpendapat terdapat lima ciri-ciri perlakuan ganas ini iaitu pertama, pandangan keterlaluan seseorang yang tidak didasari dengan kesederhanaan yang disarankan Islam. Kedua, sifat suka mengkufurkan atau “membidaahkan” orang lain atau kumpulan yang tidak sealiran dengannya / mereka. Ketiga, sifat berfikiran ‘dia sahaja yang betul’ dengan beranggapan orang lain atau organisasi lain tidak betul. Keempat, kezaliman terhadap sesuatu kumpulan atau orang perseorangan yang boleh membawa kepada pembunuhan atau pertumpahan darah. Kelima, kumpulan tertentu yang sentiasa bergerak tanpa melibatkan orang lain serta terasing daripada orang ramai (Transkrip R2: 2).

Manakala, R3 berpendapat ciri-ciri perlakuan ganas dapat dilihat melalui kewujudan sentimen Islamophobia dan tuduhan Islam adalah jahat. Selain itu, diri sendiri yang lemah termasuk kelemahan rohani turut menyumbang kepada berlakunya keganasan dan ciri-ciri ini dapat dilihat apabila seseorang itu kecewa disebabkan rohani yang lemah. Sedangkan Allah SWT berfirman yang maksudnya:

“Janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah” (Surah Az-Zumar ayat 53), kerana ujian adalah lumrah dalam kehidupan. R3 menekankan kepentingan mendidik hati atau rohani dan hal ini tidak boleh dipandang remeh. Hal ini kerana, seseorang yang mempunyai kekuatan rohani dan mempunyai hubungan yang kuat dengan Allah akan sentiasa mengatakan hidup adalah ujian. Tetapi sebaliknya bagi orang yang kurang hubungan dengan Allah SWT, akan sering kecewa dan sebagainya sehingga tidak dapat dikawal. R3 menyebutkan beberapa contoh:

“Contoh satu masa dahulu, apabila berlaku krisis ekonomi di Korea, ramai ambil jalan bunuh diri. Terdapat juga kes di sebuah universiti di mana pelajar dan penyelianya membunuh diri. Inilah beberapa contoh jika kurang hubungan dengan Allah SWT” (Transkrip R3: 3-4).

R4 menerangkan empat ciri-ciri perlakuan ganas dari aspek psikologi. Pertama, keganasan fizikal seperti menampar, memukul, menendang dan terlibat dengan gangsterisme. Kedua, keganasan seksual seperti hubungan seks secara paksa atau rogol. Ketiga, keganasan psikologi seperti memaki, mencemuh, mengherdik dan mengejek. Keempat, keganasan agama iaitu bersifat ekstrim atau radikal. Manakala, dari pandangan ulama, ciri-ciri perlakuan ganas ialah menurut perspektif al-Qaradawy dapat dilihat melalui aspek jihad iaitu jihad ofensif dan defensif, jihad ekstrimis dan jihad liberal (Transkrip R4: 2; al-Abd Zuhd 2011).

Menurut R5, dari aspek fizikal, ciri-ciri keganasan adalah seperti mendatangkan kerosakan kepada manusia secara fizikal sehingga mencetuskan perperangan, pergaduhan dan penggunaan senjata bahan kimia yang memberi kesan jangka panjang dalam kehidupan seseorang. Tuduhan Islam adalah agama keganasan selepas insiden 11 September 2001 di Amerika turut merupakan ciri-ciri keganasan. Perkara ini disebabkan oleh pihak Barat yang tidak memahami bahawa Islam adalah agama kasih sayang, yang mengutamakan perpaduan, serta menyanjung kesejahteraan sejagat. Pemikiran mereka telah diracuni doktrin salah oleh pihak Yahudi yang menuduh Islam adalah keganasan sedangkan sebaliknya. Kini, media massa turut memainkan peranan menyebarkan propaganda ini sehingga masyarakat Barat mempercayai tuduhan tersebut (Transkrip R5: 2-3).

TEMA 5: KAE DAH MENANGANI PERLAKUAN GANAS DARI PERSPEKTIF AHLI AKADEMIK MUSLIM

Tema kelima membincangkan kaedah menangani perlakuan ganas. Kelima-lima responden mengetengahkan pandangan dari aspek agama yang sesuai dan tidak jauh berbeza. Contohnya keganasan dapat diatasi dengan mananamkan sifat murabaqah Allah (R1), memahami Islam (R2),

penyucian hati (R3 dan R5) serta melalui kaedah dakwah dan *wasatiyyah* (R4). Perbincangan seterusnya mengupas tema kelima ini dengan lebih mendalam.

Menurut R1, antara cara yang dapat digunakan untuk mengatasi perlakuan ganas dari aspek psikologi dan ulama ialah menanamkan sifat muraqabah Allah. Muraqabah ialah amalan memelihara hati agar ingatan tertumpu kepada Allah SWT semata – mata [46]. Kemudian, menyebarkan kemuliaan akhlak yang baik seperti kasih sayang, rahmah, keadilan dan kesederhanaan. Setiap insan mesti menyedari akan dosa dan pahala, serta pembalasan syurga dan neraka di mana setiap perbuatan mempunyai akibat masing-masing. Perlaksanaan hukuman secara berhikmah adalah perlu untuk mendidik dan memberi pengajaran (Transkrip R1: 2).

R2 menyarankan lima kaedah menangani keganasan iaitu yang pertama, ialah dengan memahami Islam yang sebenarnya. Kedua, melalui peranan dakwah oleh ulama dan golongan bijak pandai tentang Islam yang sebenarnya. Ketiga, melalui didikan yang perlu dimulakan daripada peringkat awal lagi iaitu di peringkat sekolah rendah hingga ke universiti. Keempat, penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang *al-Hirābah* untuk menangani isu-isu keganasan. Kelima, melalui peranan institusi masjid iaitu mendidik dan mentarbiahkan masyarakat agar memahami Islam (Transkrip R2: 2 - 3).

R3 mencadangkan kaedah penyucian hati yang terbahagi kepada dua peringkat iaitu *mujāhadah* dan *riyādah*. *Mujāhadah* bermaksud berusaha melawan bisikan-bisikan dalaman yang menghasut untuk berlaku ganas serta bersungguh-sungguh membuang sifat-sifat buruk dalam diri seperti somborg, takabbur, benci dan lain-lain sifat yang mendorong kepada keganasan. *Mujāhadah* perlu disertai latihan yang disebut *riyādah al-nafs*. Latihan adalah berbentuk amal soleh yang bertujuan mendidik hati. *Mujāhadah* dari aspek psikologi, bermaksud mengekang diri daripada desakan-desakan dalaman yang negatif. *Mujāhadah* dan *riyādah al-nafs* dilakukan untuk menghindarkan diri daripada melakukan keganasan dengan menggantikan rutin harian dengan amal soleh yang mendidik hati. Antaranya, dengan bersolat. Solat berperanan menghubungkan antara Allah SWT dengan hamba-hambaNya. Seseorang yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT akan terhindar dari melakukan keganasan (Transkrip R3: 4 – 6).

Menurut R4, dari aspek psikologi, perlakuan ganas dapat diatasi dengan mengadakan aktiviti seperti program kesedaran keganasan, pendidikan kemahiran sosial holistik serta program sentuhan spiritual. Manakala, dari pandangan ulama, keganasan dapat diatasi dengan mengadakan program membanteras jenayah melalui dakwah dengan memartabatkan Islam sebagai agama yang toleran, moderat, realistik, berkasih sayang dan rahmat tanpa menggadaikan prinsip-prinsip Islam. Pemerkasaan pendekatan *wasatiyyah* untuk menangani keganasan turut disarankan oleh golongan ulama (Transkrip R4: 2) [32]

Menurut R5, dari aspek psikologi, konsep ilmu dapat digunakan untuk mengatasi keganasan. Terdapat tiga elemen untuk menangani keganasan iaitu elemen perkembangan, pencegahan dan intervensi. Intervensi perlu apabila keganasan telah berlaku, seperti keganasan dalam rumah tangga dan kes buli, yang memerlukan kefahaman yang jelas. Berdasarkan pandangan al-Ghazālī, kefahaman ini melibatkan proses mengenal diri (*makrifatunna*), memahami kesan, memahami asbab melakukan keganasan, dan akibat keganasan kepada si pelaku. Seterusnya, ialah proses *takhalli*, iaitu mengeluarkan perlakuan-perlakuan negatif di dalam diri melalui bimbingan pihak kaunselor yang terlibat. Hal ini melibatkan usaha pelaku menguruskan tingkah lakunya yang ganas. Proses seterusnya disebut *tahalli*, iaitu adanya ketahanan dalaman diri yang kuat melalui amalan-amalan kerohanian. Kemudian, proses menilai semula iaitu *muhasabah* perkara yang terbaik untuk dilakukan untuk mencapai *sa ‘ādah*. *Sa ‘ādah* ialah kebahagiaan dan kesejahteraan yang dapat membina semula kerukunan dalam rumah tangga serta membuang semula sifat-sifat yang negatif. Sebagai contohnya dalam kes buli, selain tindakan disiplin dan kaunseling, R5 berpendapat si pembuli perlu dibantu untuk melihat keberkesanan hukuman yang dikenakan. Mereka perlu dididik dan dibimbing. Hal ini kerana, elemen-elemen bimbingan,

pendidikan dan kasih sayang terlalu banyak di dalam al-Quran, berbanding elemen-elemen hukuman dan dendaan. Dari situ, sangat jelas Islam begitu mementingkan elemen kesejahteraan, dan bukan agama keganasan, kerana sifat mementingkan kasih sayang yang begitu tinggi. Hal ini jelas menunjukkan tanggapan Islam adalah agama keganasan adalah tidak benar sama sekali (Transkrip R5: 3 – 5) [3].

6. Analisis perbincangan

Berdasarkan perbincangan, semua tema keganasan yang dibincangkan oleh ahli akademik Muslim adalah selari dengan yang dibincangkan oleh WHO, namun setiap tema yang dibincangkan oleh ahli akademik Muslim menyelitkan pandangan Islam dari golongan ulama serta pandangan mereka sendiri. Di samping itu, tema keganasan turut dibincangkan dari aspek psikologi yang menjadikan pandangan ahli akademik Muslim tentang keganasan adalah padat dan menyeluruh.

Antara pandangan yang selari dengan WHO ialah, dalam tema pertama iaitu definisi keganasan. Pendapat kelima-lima responden menunjukkan keganasan adalah tindakan kekerasan disebabkan masalah dalaman seseorang (R1, R4, R5), bercanggah dengan ajaran Islam (R2, R4), melampaui batas (R3), tindakan kasar berlandaskan kuasa atau kekerasan serta bukan jihad (R4), serta sesuatu yang tidak menyenangkan, boleh menyebabkan kemudarat dan kerosakan dari fizikal dan emosi disebabkan oleh faktor-faktor luaran atau dalaman daripada seseorang individu itu sendiri (R5).

Dalam tema pertama ini, pendapat kelima-lima responden mempunyai persamaan dengan definisi keganasan menurut WHO, iaitu keganasan ialah tindakan sengaja menggunakan kuasa atau kekerasan baik secara fizikal ataupun tidak, yang boleh mendatangkan kesan buruk seperti kecederaan dan kematian. Kemudian, R2 dan R4 turut menambah bahawa tindakan keganasan ini adalah bercanggah dengan ajaran Islam dan bukan jihad. Dapatan ini membentarkan pandangan ahli akademik lain tentang definisi keganasan yang mengandungi empat elemen iaitu suatu tindakan yang disengajakan, yang tidak dikehendaki, tidak perlu, memudaratkan dan mencederakan, di mana tindakan ini biasanya dilakukan oleh seseorang atau kumpulan tertentu dengan menggunakan kekerasan atau kuasa menentang individu atau kumpulan lain [18] [51] [11]. Lazimnya, tindakan ini melibatkan keganasan dan serangan fizikal, kekerasan melampau dan boleh menyebabkan kecederaan fizikal yang memudaratkan, merosakkan, mencederakan bahkan boleh menyebabkan kematian dan tidak berkaitan dengan jihad sama sekali [55] [29] [13] [5] [36] [33] [25].

Dalam tema kedua, pendapat R4 dan R5 selari dengan pandangan WHO di awal kajian ini. WHO menyatakan terdapat tiga jenis keganasan iaitu keganasan terhadap diri sendiri, orang lain, serta kumpulan. R4 membahagikan kategori perlakuan ganas dari perspektif psikologi kepada tiga iaitu keganasan terhadap diri sendiri, orang lain dan antarabangsa. Manakala R5 membahagikan kategori perlakuan ganas kepada keganasan diri sendiri, rumah tangga dan komuniti setempat. Untuk tema kedua ini, R1 membahagikan perlakuan ganas kepada lima aspek iaitu agenda politik, perbezaan idea, haluan kiri atau kanan, keganasan agama dan jenayah. Manakala R2 membahagikan perlakuan ganas kepada dua kategori iaitu yang bersifat akidah dan yang bersifat dakwah, iaitu sebarang perbuatan yang membawa kepada penindasan dan lain-lain tindakan yang mencemari kesucian agama Islam. R3 pula menerangkan kategori perlakuan ganas dalam tiga konteks, iaitu agama, diri sendiri, serta konteks lain seperti vandalisme. Dalam tema kedua ini, kelima-kelima responden mempunyai pendapat yang berbeza tentang kategori perlakuan ganas kecuali R4 dan R5 dengan sedikit persamaan. Dapatan ini memperkuatkan kajian terdahulu oleh ahli akademik lain tentang kategori keganasan, antaranya keganasan terhadap diri sendiri yang disebut keganasan interpersonal, keganasan terhadap pihak lain, seperti keganasan berdasarkan gender, yang lazimnya menyasarkan golongan wanita, serta keganasan terhadap kanak-kanak, dan keganasan kumpulan tertentu [49] [21] [6] [10] [12]. Selain itu, terdapat kategori keganasan yang lain seperti keganasan fizikal secara langsung, keganasan ekonomi, politik dan

budaya [24] [61]. Apa jua kategori keganasan ini adalah mencemari kesucian agama Islam dan bercanggah dengan ajaran Islam memandangkan Islam menganjurkan perdamaian [3].

Dalam tema ketiga, iaitu faktor-faktor perlakuan ganas, pendapat R5 hampir sama dengan pandangan WHO tentang punca berlaku keganasan. WHO berpandangan bahawa keganasan adalah berpunca dari diri sendiri, orang lain, masyarakat dan sosial. R5 turut berpendapat sedemikian, iaitu perlakuan ganas berpunca daripada diri sendiri, persekitaran, media massa, ketidakfahaman individu itu sendiri serta pegangan sejak sekian lama.

R1 berpendapat perlakuan ganas terjadi disebabkan pelaku jauh dari syariat. Faktor lain pula antaranya ialah salah faham terhadap konsep-konsep umum dan jahil tentang syariat. R2 berpendapat terdapat empat faktor yang menyumbang kepada perlakuan ganas iaitu ilmu agama yang cetek, sifat fanatik yang keterlaluan, salah faham terhadap konsep sederhana serta taksub kepada aliran atau fahaman tertentu. Manakala, R3 berpendapat kekurangan ilmu pengetahuan agama, dan salah faham terhadap agama menyumbang kepada masuknya unsur-unsur keganasan ke dalam diri seseorang. R4 pula berpendapat faktor perlakuan ganas menurut psikologi adalah disebabkan lima sifat selain faktor latar belakang keluarga / budaya. Lima sifat yang dimaksudkan ialah sifat agresif, obsesif, neurotik, pasif, dan sifat bergantung. Manakala, menurut ulama, faktor perlakuan ganas adalah disebabkan kejahilan dalam agama, serta faktor pendidikan dan politik. Dalam tema ketiga ini, pendapat kelima-lima responden hampir sama iaitu faktor utama perlakuan ganas ini ialah kurang pengetahuan agama. Dapatkan ini membentarkan laporan terdahulu oleh ahli akademik lain tentang keganasan yang berlaku berpunca dari kurang pengetahuan agama, serta faktor dalaman dan luaran yang lain seperti faktor individu, sosial, perhubungan, dan kekeluargaan [17] [43] [65] [26] [19] [67]. Faktor sikap turut menyumbang perlakuan ganas seperti panas baran, di samping penyalahgunaan dadah dan alkohol, sejarah keluarga, ketidakstabilan mental, ideologi gender serta faktor usia yang muda, pendapatan, perceraian atau perpisahan, pernah menjadi mangsa keganasan, ketidaksamaan kedudukan, serta penerimaan keganasan sebagai norma kehidupan [15] [66] [65] [44] [22] [56].


Dalam tema keempat, pendapat R4 dan R5 hampir selari dengan pandangan WHO tentang ciri-ciri perlakuan ganas iaitu keganasan yang wujud adalah berbentuk fizikal, psikologi, seksual, pengabaian atau penindasan. R4 berpendapat ciri-ciri perlakuan ganas dari aspek psikologi dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu, keganasan fizikal, seksual, psikologi dan agama. Manakala, ciri-ciri perlakuan ganas dari pandangan ulama dilihat dalam aspek jihad, iaitu jihad ofensif dan defensif, jihad ekstrimis dan jihad liberal. R5 pula berpendapat ciri-ciri keganasan dapat dilihat melalui aspek fizikal dan bukan fizikal. Ciri-ciri keganasan dari aspek fizikal ialah mendatangkan kerosakan kepada manusia secara fizikal seperti pergaduhan dan penggunaan senjata. Manakala, ciri-ciri keganasan bukan fizikal ialah tuduhan Islam adalah agama keganasan (R5).

R1 berpendapat ciri-ciri keganasan dapat dilihat pada aspek politik, kemusnahan harta benda, ketakutan, kematian yang banyak dan memangsakan masyarakat. R2 berpandangan pendapat keterlaluan seseorang, suka mengkufurkan pihak lain, suka berfikiran ‘dia sahaja yang betul,’ penindasan terhadap pihak lain (individu / kumpulan) serta pergerakan kumpulan tertentu adalah ciri-ciri perlakuan ganas. R3 pula berpendapat ciri-ciri perlakuan ganas dapat dilihat melalui kewujudan sentimen Islamophobia dan kelemahan rohani. Dalam tema keempat ini, kelima-lima responden mempunyai pandangan yang berbeza tentang keganasan namun bersetuju apa jua ciri-ciri keganasan adalah mendatangkan kemudaratian. Dapatkan ini membentarkan pandangan ahli akademik lain tentang keganasan yang boleh mendatangkan kesengsaraan serta penderitaan terhadap mangsa keganasan, serta antara serangan bermotifkan keganasan seperti serangan pemangsa, serangan berdasarkan ketakutan, serangan material, serangan kemarahan, serangan instrumental serta serangan permusuhan [19]. Laporan oleh ahli akademik lain turut melaporkan ciri-ciri keganasan yang biasa berlaku ialah pengabaian, keganasan fizikal, seksual, psikologikal, penderaan fizikal dan emosi, serta keganasan intraindividu, sosial-psikologi dan sosio-budaya [27] [4] [58] [50] [62].

Dalam tema kelima, pendapat R5 hampir selari dengan pandangan WHO dalam menangani keganasan. Tetapi, pandangan R5 lebih lengkap kerana menerapkan konsep penyucian hati sedangkan WHO hanya menetapkan kaedah penyelesaian secara teknikal. Antara cadangan WHO untuk menangani keganasan ialah dengan mendefinisikan dan mengawasi masalah serta mengenal pasti punca masalah. R5 mencadangkan konsep ilmu yang mengandungi elemen perkembangan, pencegahan dan intervensi serta kefahaman yang jelas untuk mengatasi keganasan. Proses yang terlibat ialah proses mengenal diri (*makrifatunna*), *takhalli*, *tahalli*, serta proses *muhasabah*, sebelum mencapai *sa ‘ādah*. Pandangan R3 hampir sama dengan pandangan R5. R3 mencadangkan kaedah penyucian hati untuk menangani keganasan, yang terbahagi kepada dua peringkat iaitu *mujāhadah* dan *riyāḍah*. *Mujāhadah* bermaksud berusaha bersungguh-sungguh yang perlu disertai latihan yang disebut *riyāḍah al-nafs*, iaitu amal soleh yang bertujuan mendidik hati.

Menurut R1, antara cara yang dapat digunakan untuk mengatasi perlakuan ganas ialah menanamkan sifat murabaqah Allah, menyebarkan kemuliaan akhlak yang baik, menyedari akan dosa dan pahala serta perlaksanaan hukuman yang berhikmah. R2 pula berpendapat perlakuan ganas ini dapat ditangani melalui lima langkah, iaitu dengan memahami Islam, dakwah golongan ulama dan bijak pandai, didikan Islam sebenar sejak awal lagi, penguatkuasaan undang-undang *al-Hirābah*, serta mentarbiahkan masyarakat melalui peranan institusi masjid. Manakala R4 berpendapat, dari aspek psikologi, perlakuan ganas dapat diatasi dengan mengadakan beberapa program antaranya program kesedaran keganasan serta program sentuhan spiritual. Manakala, dari pandangan ulama, keganasan dapat diatasi dengan dakwah yang memartabatkan Islam, serta menggunakan pendekatan *wasatiyyah*. Dalam tema kelima ini, kelima-lima responden memberi pendapat yang berbeza (R1, R2 dan R4) dengan sedikit persamaan (R3, R5). Namun begitu, kelima-lima responden mengetengahkan cara mengatasi keganasan dari aspek agama yang sesuai dan pandangan mereka ini tidak jauh berbeza. Dapatan ini membenarkan pandangan ahli akademik lain dalam kajian terdahulu yang mendapati pendekatan agama boleh menyelesaikan sebarang masalah termasuk keganasan memandangkan kajian ini mendapati keganasan berlaku disebabkan kurang pengetahuan agama. Antaranya ialah pendekatan agama dalam sesi kaunseling. Kaunseling berteraskan pendekatan Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak didapati selari dengan ajaran Islam sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Penekanan konsep ibadah dalam kaunseling boleh menyebabkan seseorang berjaya mengawal tingkah laku dan emosinya, berasa tenang dan tekun beribadah [52] [53] [23]. Pendekatan kaunseling adalah selari dengan pandangan ahli akademik Muslim dalam kajian ini, R2, R4 dan R5 yang mencadangkan kaedah dakwah, didikan, tarbiah serta bimbingan pihak kaunselor dalam menangani keganasan. Konsep *riyāḍah al-nafs* yang disebut oleh ahli akademik Muslim dalam kajian ini, R3 turut membenarkan kajian terdahulu yang mendapati *riyāḍah al-nafs* yang boleh memantapkan keimanan, mempertingkatkan ibadah, serta mudah mengamalkan sifat-sifat mahmudah ada diamalkan di pusat kaunseling di negara ini yang menunjukkan kaedah ini bermanfaat dalam kaunseling, serta fungsi kaunseling yang melegakan dan membuka fikiran klien, terutamanya mangsa keganasan [54] [28]. Selain kaunseling, ahli akademik Muslim dalam kajian ini, R3 turut menekankan penyucian hati yang turut membenarkan dapatan kajian lalu oleh ahli akademik Muslim lain yang menekankan pemeliharaan aspek spiritual, melalui *tazkiyah al-nafs* yang memainkan peranan signifikan dalam mencegah dan menangani keganasan, dan membentuk akhlak mulia memandangkan aspek dalam merupakan intipati dalaman insan [37]. Di samping itu, golongan yang sering menjadi sasaran keganasan perlu lebih prihatin dan berwaspada, di samping mengkaji punca keganasan dan menggunakan pendekatan yang lebih lembut seperti nasihat [64] [59] [17].

Selain itu, ahli akademik Muslim dalam kajian ini, R4 turut mencadangkan program kesedaran dalam menangani keganasan yang turut membenarkan kajian lalu yang mencadangkan penyelesaian lain seperti intervensi yang melibatkan sekolah, keluarga dan komuniti, perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang, kempen kesedaran, talian hangat, pusat sehenti, dan rumah perlindungan [47] [68] [20] [38] [23]. Rajah berikut merumuskan aspek keganasan yang dibincangkan oleh ahli akademik Muslim.



Rajah 1: Keganasan menurut pandangan ahli akademik Muslim

7. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan, ahli akademik Muslim terpilih telah membincangkan secara terperinci tentang keganasan berdasarkan aspek psikologi dan pandangan Ulama. Dalam lima tema yang dibincangkan, pandangan ahli akademik Muslim terpilih ternyata mempunyai persamaan dengan WHO. Keselarian pendapat ini menunjukkan golongan akademik turut mengambil berat isu-isu berkaitan keganasan dan sedia menyumbang kepakaran mereka dalam menangani keganasan.

Kajian ini mencadangkan kajian lanjutan. Kajian ini membincangkan keganasan dalam perspektif psikologi dan ulama dalam lima tema utama kajian. Kajian seterusnya boleh menumpukan kajian tentang keganasan berdasarkan perspektif tokoh sarjana Islam dan Barat moden. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual. Kajian seterusnya boleh mengaplikasikan kajian lapangan dengan kaedah tinjauan (*survey*) dan soal selidik untuk meneliti pandangan golongan awam tentang keganasan dengan menggunakan lima tema kajian sedia ada dengan sedikit pengubahsuaian, yang sesuai dengan tahap pengetahuan golongan awam.

Keganasan merupakan isu sejagat yang tidak boleh dipandang ringan. Penglibatan golongan akademik dalam menangani keganasan sangat dituntut apatah lagi keganasan lazimnya melibatkan golongan yang lemah seperti wanita, kanak-kanak, warga emas, golongan miskin, dan negara yang mundur.

Walaupun terdapat persamaan pendapat ahli akademik Muslim dengan WHO dalam kajian ini, pandangan ahli akademik Muslim adalah lebih mendalam dan bermakna kerana mengetengahkan pendapat golongan ulama. Pandangan ahli akademik Muslim lebih menekankan penyucian hati, di mana kaedah ini sebenarnya boleh mengatasi dan mencegah keganasan dari akar umbi. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan kembali ke jalan Allah SWT merupakan langkah yang paling sesuai untuk mencegah dan menangani keganasan.

Pandangan ahli akademik Muslim juga lebih menitikberatkan kepada pembelaan agama Islam dengan menafikan tuduhan Islam sebagai agama yang mempromosikan keganasan. Hal ini menunjukkan pandangan ahli akademik Muslim dalam membincangkan keganasan adalah lebih kepada mementingkan kesucian agama Islam itu sendiri, dan tidak berfokuskan kepada penyelesaian individu semata-mata.

Penghargaan

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Geran Kajian Fundamental, Kementerian Pendidikan Malaysia, 203/PHUMANITI/6711590.

Rujukan

- [1] Al-Quran
- [2] Aini Hassan. 2001. Pelbagai kaedah pengutipan dan penganalisisan data pengetahuan guru. In *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, edited by Marohaini Yusoff, 253-304. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- [3] Akhter, N., & Qadoos, A. 2017. Islam is the religion of peace: analytical review from the life Of Holy Prophet (PBUH). *Burjis* 4 (2): 1 - 30.
- [4] Ali, P. A., Dhingra, K., & McGarry, J. 2016. A literature review of intimate partner violence and its classifications. *Aggression and Violent Behavior* 31: 16 – 25.
- [5] Allen, J. J., & Anderson, C. A. 2017. Aggression and violence: definitions and distinctions. P. Sturmey (Ed.). *The Wiley Handbook of Violence and Aggression* (pp. 1 - 14). Chichester, West Sussex, UK: John Wiley & Sons Ltd.
- [6] Almeida, S. F., Lourenço, J. S., Dessart, F. J., & Ciriolo, E. 2016. *Insights from Behavioural Sciences to Prevent and Combat Violence against Women Literature Review*. Luxembourg: Publications Office of the European Union.
- [7] Al-Abd Zuhd, I. 2011. Al -Jihad fi Fikr al-Imam al-Qaradawi. *Majalah al-Jamiyah al-Islamiyyah*, 17 (1): 145 - 78.
- [8] Al-Humaydī. 2004. *Tafsir Gharib fi al-Sahihain*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- [9] Al-Qaradawy, M. Y. 2010. al-Wasatiyyah wa al-i'tidal. Mu'tamar Wasatiyyah: Mukhtarat min Fikral-Wasatiyyah. <http://www.wasatia.org/wp-content/uploads/2010/05/book.pdf>. Retrieved on: May 10, 2020.
- [10] Bragg, H. L. 2003. *Child Protection in Families Experiencing Domestic Violence*. U.S.: Department of Health and Human Services.
- [11] Bufacchi, V. 2005. Two concepts of violence. *Political Studies Review* 3: 193 – 204.
- [12] Che Mohd Aziz Yaacob, Kamarulnizam Abdullah & Mohd Sofian Omar Fauzee. 2019. Pengaruh kefahaman dan penerimaan rakyat Malaysia terhadap perjuangan ideology Daesh. *Kajian Malaysia* 37 (2): 121 – 145.
- [13] Degenaar, J. J. 1980. The concept of violence. *South African Journal of Political Studies* 7 (1): 14– 27.
- [14] Fagan, A. A. & Catalano, R. F. 2012. What works in youth violence prevention: a review of the literature. *Research on Social Work Practice* 23 (2): 141 – 156.

- [15] Flood, M., & Pease, B. 2009. Factors influencing attitudes to violence against women. *TRAUMA, VIOLENCE, & ABUSE* 10 (2): 125 - 142.
- [16] George, M. W. 2008. *The Elements of Library Research What Every Student Needs to Know*. New Jersey, USA: Princeton University Press.
- [17] Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim, & Intan Nadia Gulam Khan. 2012. Krisis rumah tangga: Punca-punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif syariah dan Akta Undang-

- Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah dan Undang- Undang* 4: 67 – 86.
- [18] Hamby, S. 2017. On defining violence, and why it matters. *Psychology of Violence* 7 (2): 167– 180.
- [19] Hanafi Arief & Rohani Abdul Rahim. 2020. *Wanita dan Keganasan Rumah Tangga di Malaysia dan Indonesia*. Bangi: Penerbit UKM.
- [20] Heise, L. L. 2011. *What Works to Prevent Partner Violence? An Evidence Overview*. STRIVE Research Consortium.
- [21] Heise, L., Ellsberg, M., & Gottmoeller, M. 2002. A global overview of gender-based violence. *International Journal of Gynecology and Obstetrics* 78 (1): S5 - S14.
- [22] Jewkes, R. 2002. Intimate partner violence: causes and prevention. *THE LANCET* 359 (9315): 1423 – 1429.
- [23] Jewkes, R., Hilker, L. M., Khan, S., Fulu, E., Busiello, F. & Fraser, E. 2015. *What Works to Prevent Violence against Women and Girls – Evidence Reviews Paper 3: Response Mechanisms to Prevent Violence against Women and Girls*. UK DFID, United Kingdom: What Works to Prevent Violence, Department for International Development.
- [24] Kent, G. 2011. Structural violence. In *Experiments with Peace: Celebrating Peace on Johan Galtung's 80th Birthday*, edited by J. Johansen & J. Y. Jones, 131 – 140. Cape Town: Pambazuka Press.
- [25] Khoiriyah, A. 2020. Konsep jihad: antara normatifitas dan historisitas. *Al-Afkar Journal for Islamic Studies* 3 (1): 115 – 136.
- [26] Khurram, E. 2017. Factors that contribute to the violence against women: a study from Karachi, Pakistan. Master's Thesis, School of Social Sciences, Faculty of Humanities and Social Sciences, Linnaeus University.
- [27] Malta, D. C., Bernal, R. T. I., Teixeira, B. D. S. M., Silva, M. M. A. D., & Freitas, M. I. D. F. 2017. Factors associated with violence against children in sentinel urgent and emergency care centers in Brazilian capitals. *Ciência & Saúde Coletiva* 22 (9): 2889 – 2898.
- [28] Mariny Abdul Ghani, Sabasiah Husin & Azizul Mohamad. 2016. Isu keganasan rumah tangga: keberkesanan perkhidmatan kaunseling berdasarkan perspektif klien wanita mangsa penderaan. *Jurnal Kemanusiaan* 25 (2): 1 – 9.
- [29] Matthews, C. R., & Channon, A. 2016. Understanding sports violence: revisiting foundational exploration. *Sports in Society* 20 (7): 751 – 767.
- [30] Merriam-Webster. 2021. Violence. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/violence>. Retrieved on: 20 May 2021.
- [31] M. Puvenesvary, Radziah Abdul Rahim, R. Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan & Noor Hashima Abd Aziz. 2008. *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Techniques*. Sintok:Universiti Utara Malaysia Press.
- [32] Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh. 2015. Konsep jihad Yusuf al-Qaradawy dalam karya Fiqh al-Jihad. *Al-Hikmah* 7(1): 149 -171.
- [33] Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh & Paiz Hassan. 2018. Penyalahgunaan konsep Fiqh Jihad oleh kumpulan ekstremisme agama: satu analisis. *JWM* 1: 117 – 129.
- [34] Mustafa 'Afifi Ab Halim, Abd Hamid Abd Murad & Muhammad Firdaus Ab Rahman. 2019. Penderaan warga tua di Malaysia: Perlindungan dalam aspek undang-undang. *Persidangan*

Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah, 42 - 48. Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia: Usuli Faqih Research Centre PLT.

- [35] Nik Rahim Nik Wajis. 2004. Jihad vs keganasan: Dari perspektif Islam. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemikiran Islam Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 7 - 9 Disember, Bangi.
- [36] Noor Shakirah Mat Akhir & Naeem, A. 2019. The act of violence: An analysis according to Al-Ghazali's thoughts. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences* 68: 368 – 377.
- [37] Noor Shakirah Mat Akhir & Norshabiha Ibrahim. 2019. Analysis of violent act from the Islamic spiritual perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9 (3): 1298 – 1306.
- [38] Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani. 2015. Pengalaman dan faktor pengabaian warga emas dalam komuniti. *Journal of Social Sciences and Humanities* 10 (1): 118 – 133.
- [39] Norsaleha Mohd. Salleh, Nabila Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik kes penderaan kanak-kanak di Malaysia: Satu analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 5 (October): 17 – 24.
- [40] Nurfadhilah Yahya. 2014. Kesan emosi yang dihadapi oleh wanita yang bercerai akibat keganasan rumah tangga: Satu kajian di negeri Johor. Tesis Sarjana, Fakultiti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.
- [41] Nur Saadah Mohamad Aun & Nur Shuhada Mohd Mustaffarizan. 2018. Pengetahuan mahasiswa tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga. *Jurnal Personalia Pelajar* 21 (1): 37 – 42.
- [42] Nuruaslizawati Ayob & Siti Hajar Abdul Rauf. 2019. Tahap pengetahuan masyarakat terhadap keganasan rumah tangga: kajian rintis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4 (7): 62 – 67.
- [43] Nurul Hasna' Hazni & Mohd Akram Dahaman @ Dahlan. 2017. Keganasan seksual dalam rumah tangga: Faktor penyumbang berdasarkan kes-kes pembubaran perkahwinan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 2 (6):335 – 351.
- [44] Oladepo, O., Yusuf, O. B., & Arulogun, O. S. 2011. Factors influencing gender-based violence among men and women in selected states in Nigeria. *African Journal of Reproductive Health* 15 (4): 78 – 86.
- [45] Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). 2017. Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat (Carian perkataan keganasan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. [#LIHATSINI](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=keganasan&d=176312). Retrieved on: 20 May 2021.
- [46] Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). 2017. Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat (Carian perkataan muraqabah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=muraqabah>. Retrieved on: 4 April 2020.
- [47] Richard, P., Siebert, S., Ovince, J., Blackwell, A., & Contreras-Urbina, M. 2018. *A Community-Based Intervention to Prevent Violence against Women and Girls in Haiti: Lesson Learned*, edited by Robert Pantzer, Eric L. Olson & Jacquelyn Dolezal. Inter-American Development Bank & Wilson Center.
- [48] Ritchie, J. & Lewis, J. (eds.). 2003. *Qualitative Research Practice*. London: Sage Publications.

- [49] Rosenberg, M. L., Butchart, A., Mercy, J., Narasimhan, V., Waters, H., & Marshall, M. S. 2006. Interpersonal violence. In *Disease Control Priorities in Developing Countries*, edited by D. T. Jamison, J. G. Breman, A. R. Measham, G. Alleyne, M. Claeson, D. B. Evans, P. Jha, A. Mills, & P. Musgrove, 2nd ed., 755 – 770. Washington, DC: Oxford University Press and World Bank.
- [50] Roslee Abbash. 1999. Keganasan keluarga dari perspektif psikologi. *Jurnal Kebajikan* 21 (2): 15 – 16.
- [51] Rutherford, A., Zwi A. B., Grove, N. J., & Butchart, A. 2007. Violence: a glossary. *J Epidemiol Community Health* 61: 676 – 680.
- [52] Salasiah Hanin Hamjah, Noor Shakirah Mat Akhir, Zainab Ismail, Adawiyah Ismail & Nadhirah Mohd. Arib. 2017. The application of *Ibadah* (worship) in counseling: its importance and implications to Muslim clients. *J Relig Health* 56: 1302–1310.
- [53] Salasiah Hanin Hamjah & Noor Shakirah Mat Akhir. 2014. Islamic approach in counseling. *J Relig Health* 53: 279 – 289.
- [54] Salasiah Hanin Hamjah & Noor Shakirah Mat Akhir. 2007. *Riyāḍah al-Nafs* menurut Al-Ghazālī dan aplikasinya dalam kaunseling di PK Mains. *Jurnal Usuluddin* 26: 45 – 62.
- [55] Schlack, R., Rüdel, J., Karger, A., & Hölling, H. 2013. Physical and psychological violence perpetration and violence victimisation in the German adult population results of the German Health Interview and Examination Survey for Adults (DEGS1). *Bundesgesundheitsblatt Gesundheitsforschung Gesundheitsschutz* 56 (5-6): 1 – 11.
- [56] Schwartz, I. L. 1991. Sexual violence against women: prevalence, consequences societal factors, and prevention. *Am J Prev Med* 7 (6): 363 – 373.
- [57] Siti Zaila Husin & Khadijah Alavi. 2016. Kerja sosial di hospital: Meneroka pengabaian dalam kalangan pesakit warga emas. *Journal of Social Sciences and Humanities* 11 (2): 462 – 484.
- [58] Slabbert, I., & Green, S. 2013. Types of domestic violence experienced by women in abusive relationships. *Social Work / Maatskaplike Werk* 49 (2): 234 – 247.
- [59] Sohaimi Abdul Aziz. 2019. Mengatasi terorisme dan *Islamophobia*: satu kajian terhadap novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris*. *KEMANUSIAAN* 26 (2): 1 – 23.
- [60] Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities* 1 (Oktober): 214 – 226.
- [61] Springs, J. A. 2016. The cultural violence of non-violence. *Journal of Mediation and Applied Conflict Analysis* 3 (1): 382 – 396.
- [62] Straus, M. A., Gelles, R. J., & Steinmetz, S. K. 1973. Theories, methods, and controversies in the study of violence between family members. *Eric Institute of Education Sciences* <https://eric.ed.gov/?id=ED085645>. 1 – 71. Retrieved on: 18 May 2021.
- [63] Suhaila Sharil, Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah, Muhammad Yosef Niteh, Maad Ahmad & Mukhamad Khafiz Abdul Basir. 2018. Pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam. *Journal of Muwafaqat* 1 (2): 22 – 36.
- [64] Suhaila Sharil & A'dawiyah Ismail. 2019. Langkah-langkah keselamatan dalam menangani keganasan terhadap wanita di tempat awam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16 (2): 1 – 12.
- [65] Suhaili Sharil & A'dawiyah Ismail. 2020. Punca-punca keganasan terhadap wanita di tempat awam: kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 21 (1): 235 – 252.

- [66] Syazliana Astrah Mohd Idris, Nurul Nadia Abd Aziz, Raja Kamariah Raja Mohd Khalid, Nor Fadillah Mohamed Nizar, Khalillah A. Rasip & Wahida Ayub. 2018. Causes and effects of domestic violence: A conceptual model on the performance at work. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 4: 199 – 207.
- [67] Tittlová, M., & Papáček, P. 2018. Factors contributing to domestic violence. *International Journal of Entrepreneurial Knowledge* 6 (2): 117 – 124.
- [68] UNICEF. 2017. *Preventing and Responding to Violence Against Children and Adolescents: Theory of Change*. New York, NY: UNICEF.
- [69] Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkruddin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. 2013. Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 1 (1) (Januari): 17 – 27.
- [70] World Health Organization. 2002. *World Report on Violence and Health: Summary*. Geneva: World Health Organization.
- [71] Zaleha Yaacob. 2010. Pengaruh keganasan dalam media terhadap tingkah laku agresif remaja. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.
- [72] Zul ‘Azmi Yaakob & Ahmad Sunawari Long. 2015. Terorisme sebagai cabaran ideologi Muslim masa kini: Satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought* 7 (June): 58 – 63.
- [73] Zulkifli Mohd. Yusoff & Fikri Mahmud. 2004. Islam dan imej keganasan: Satu analisa tentang prinsip jihad dalam al-Quran. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemikiran Islam Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 7 - 9 Disember, Bangi.